



**KEMENTERIAN PERTAHANAN
MALAYSIA**

**PELAN TINDAKAN
INOVASI
2017 - 2020**


**UNIT INOVASI
BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK**

KANDUNGAN	MUKA SURAT
BAB 1 – PENDAHULUAN	
1.1 Penubuhan Agensi	3
1.2 Visi	3
1.3 Misi	3
1.4 Objektif	3
1.5 Punca Kuasa (Inovasi)	4
1.6 Stakeholders dan Pelanggan	4
BAB 2 – PELAKSANAAN PELAN INOVASI MINDEF	
2.1 Tujuan	5
2.2 Rational Meningkatkan Budaya Inovasi	5
2.3 Definisi Inovasi	7
2.4 Kategori Inovasi	7
2.5 Pendekatan	8
2.6 Struktur Pengurusan Inovasi	9
2.7 Struktur Jawatankuasa Pemandu Inovasi	9
2.8 Fungsi Jawatankuasa Pemandu Inovasi	10
2.9 Fungsi Unit Inovasi	10
BAB 3 – STRATEGI DAN PELAN TINDAKAN	
3.1 Model Pengurusan Strategik	12
3.2 Analisis Persekitaran	12
3.3 Objektif Strategik	13
3.4 Pelan Tindakan	14-18
3.5 Carta Perbatuan Unit Inovasi	19-20
3.5 Kesimpulan	21
BAB 4 – PENUTUP	
4.1 Rumusan	22

PENDAHULUAN

BAB 1:

1.1 Penubuhan Agensi



1.1 Visi

Menjadi sebuah organisasi pertahanan yang berwibawa bertaraf dunia berteraskan Dasar Pertahanan Negara.

1.2 Misi

Memastikan Pengurusan Pertahanan Negara sentiasa cemerlang dan kompetitif.

1.3 Objektif

Mengurus pertahanan negara secara cekap dan berkesan.

1.4 Punca Kuasa

- 1 •Akta Prosedur Kewangan 1957
- 2 •Surat Ketua Pengarah MAMPU bertarikh 29.01.2010 – Pelaksanaan Hari Inovasi dan Usaha-Usaha Meningkatkan Budaya Inovasi Dalam Perkhidmatan Awam.
- 3 •Pekeliling Perbendaharaan WP 5.1 (Peraturan Mengenai Keraian Rasmi)
- 4 •Pekeliling Perbendaharaan WP 5.3 (Peraturan Mengenai Perbelanjaan Sambutan Hari Inovasi)
- 5 •Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam Bil.1/2016

1.5 Stake holders dan Pelanggan



PELAKSANAAN PELAN INOVASI KEMENTERIAN PERTAHANAN

BAB 2:

2.1 Tujuan

Kementerian kini berhadapan dengan cabaran daripada pelbagai aspek, antaranya adalah ekspektasi *stakeholder*, pengaruh globalisasi dan kehendak rakyat yang tiada had sempadan. Justeru itu, kementerian perlu berubah dalam melangkaui ekspektasi tersebut melalui pembudayaan inovasi, kualiti dan penerapan kreativiti. Sebagai kementerian dan pusat rujukan kepada agensi, jabatan dan markas, kementerian perlu menerajui perancangan, pembangunan, pengurusan dan dasar yang berinovatif. Pelan Tindakan Inovasi Kementerian Pertahanan Malaysia ini disediakan bertujuan seperti berikut:-

- Sebagai panduan dari segi dasar, strategi, pengurusan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian aktiviti-aktiviti inovasi;
- Sebagai panduan yang boleh digunapakai dalam penyediaan program dan aktiviti membudayakan inovasi dan kreativiti di semua peringkat MinDef; dan
- Memberi pengiktirafan dan promosi terhadap hasil inovasi yang bernilai dan berimpak tinggi.

Pelan ini juga diharap dapat membentuk individu yang kreatif dikalangan warga kementerian serta membudayakan inovasi dan kualiti dalam kerja seharian bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik selaras dengan visi dan misi Kementerian Pertahanan Malaysia.

2.2 Rasional Untuk Meningkatkan Budaya Inovasi

MinDef telah melaksanakan pelbagai program untuk meningkatkan prestasi kementerian seperti Pelaksanaan Program MS ISO 9001:2008/2015 dan

program Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA). Usaha-usaha ini merupakan asas bagi memastikan perkhidmatan MinDef berkualiti.

Cabaran dan perkembangan semasa memerlukan MinDef mengambil dan mengamalkan pendekatan yang lebih inovatif untuk terus menjadi organisasi yang relevan kepada masyarakat setempat. Sehubungan itu, strategi disusun untuk meningkatkan budaya inovasi berpandukan kepada rasional berikut:-


- i. Menggalak dan meningkatkan kesedaran tentang inovasi dan kreativiti dikalangan warga Kementerian;
- ii. Memberi pengiktirafan dalam bentuk insentif kepada individu atau kumpulan yang berjaya menghasilkan inovasi;
- iii. Memberi publisiti tentang strategi-strategi inovasi dan kreativiti yang berjaya dilaksanakan oleh sesuatu Jabatan/Bahagian/Markas;
- iv. Menggalak persaingan yang sihat di antara Jabatan/Bahagian/Markas ke arah usaha berterusan bagi peningkatan pengurusan inovasi dan kreativiti;
- v. Keperluan meningkatkan kecekapan dan mengawal kos dalam menangani kekangan sumber; dan
- vi. Memberi manfaat kepada Jabatan/Bahagian/Markas menilai tahap kecemerlangan organisasi masing-masing serta mengetahui kekuatan, kelemahan dan cadangan pembaikan masing-masing bagi meningkatkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam.

2.3 Definisi Inovasi

Inovasi merupakan hasil pelaksanaan cetusan idea-idea kreatif bagi menghasilkan sesuatu yang baru atau penambahbaikan ke atas sesuatu yang sedia ada melalui proses penyelidikan dan pembangunan (R&D). Inovasi yang dihasilkan berupaya menambah nilai semasa serta membawa transformasi daripada amalan sedia ada kepada amalan yang lebih baik.

2.4 Kategori Inovasi

Selaras dengan Pekeliling Transformasi Perkhidmatan Awam Bil 1 Tahun 2016 terdapat dua bidang inovasi iaitu inovasi sosial dan inovasi penyampaian perkhidmatan. Kedua-dua bidang ini seterusnya dipecahkan kepada dua kategori iaitu penciptaan dan penambahbaikan.



Inovasi sosial mempunyai tiga ciri seperti berikut:

- Pendekatan eksperimen yang berasaskan kepada bukti dan penemuan hasil pelaksanaan prototaip secara berulang untuk mendapatkan hasil yang terbaik;
- Jalinan rangkaian yang menggalakkan kerjasama dan kolaborasi merentasi pelbagai sektor termasuk agensi awam, pihak swasta dan individu-individu dalam masyarakat; dan

- Pembangunan inisiatif baharu oleh agensi Kerajaan bersama-sama rakyat bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang menepati keperluan sebenar mereka.

Manakala bidang **inovasi penyampaian perkhidmatan** pula merangkumi antaranya termasuklah:

- Pengurusan Strategik dan Kepimpinan Organisasi;
- Budaya Kerja;
- Pengurusan Kewangan dan Aset;
- Pengurusan Perhubungan Pelanggan;
- Pengurusan Sumber Manusia;
- Pengurusan Projek Pembangunan; dan
- Pembangunan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)

Inovasi penyampaian perkhidmatan juga mempunyai empat ciri utama seperti berikut:

- Memberi impak ketara dan positif kepada pelanggan;
- Meningkatkan kecekapandan mengoptima kos dalam menangani kekangan sumber kewangan dan sumber manusia;
- Memperkenalkan pendekatan penyampaian perkhidmatan baharu atau memantapkan kaedah semasa yang kurang berkesan; dan
- Memanfaatkan keupayaan teknologi terkini.

2.5 Pendekatan

Selaras dengan misi untuk memastikan Pengurusan Pertahanan Negara sentiasa cemerlang dan kompetitif, MinDef perlu sentiasa lebih responsif dan proaktif dengan menyediakan perkhidmatan yang selari dengan kehendak *stake holder* dan pelanggan. Melaluinya, dengan medium dan struktur organisasi yang baik, MinDef telah mewujudkan satu mekanisme bagi menggalakkan pembudayaan inovasi yang meliputi aspek berikut:-


- Pembentukan objektif, strategi, program, aktiviti dan jadual pelaksanaan yang khusus;

- Setiap program/aktiviti akan dipantau bermula dari peringkat perancangan sehingga pelaksanaannya;
- Program/aktiviti inovasi yang dilaksanakan akan dinilai keberkesannya; dan
- Inovasi yang berjaya akan dikongsi di setiap peringkat organisasi.

2.6 Struktur Pengurusan Inovasi



2.7 Struktur Jawatankuasa Pemandu Inovasi MinDef



2.8 Fungsi Jawatankuasa Pemandu Inovasi MinDef

- i. Menentukan dasar dan strategi bagi menggalakan penjanaaan idea;
- ii. Menetapkan amalan dan proses yang menyokong peningkatan inovasi;
- iii. Memantau usaha-usaha pembudayaan inovasi yang turut merangkumi program latihan dan pemikiran kreatif;
- iv. Menyediakan insentif dan pengiktirafan yang bersesuaian kepada pengamalan budaya inovasi yang cemerlang;
- v. Mempromosi inovasi yang dihasilkan oleh warga kementerian;
- vi. Menilai dan memantau keberkesanan projek inovasi;
- vii. Memperaku projek inovasi ke pertandingan KIK kebangsaan;
- viii. Memperaku projek inovasi ke pertandingan inovasi tempatan dan antarabangsa;
- ix. Mengenal pasti projek inovasi berpotensi untuk pendaftaran hak cipta dan pengkomersialan;
- x. Memutus pelantikan ejen untuk pengkomersialan;
- xi. Memutuskan penetapan kadar agihan pendapatan hasil pengkomersialan kepada pemilik projek inovasi dan agensi.

2.9 Fungsi Unit Inovasi MinDef


- i. Menyelaras serta menilai pelaksanaan program dan pembudayaan inovasi yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Inovasi MinDef;
- ii. Menyediakan laporan penghasilan inovasi oleh warga MinDef yang berimpak tinggi;
- iii. Bertindak sebagai urusetia kepada mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Inovasi MinDef;
- iv. Menyediakan Pelan Tindakan Inovasi;
- v. Meneliti cadangan-cadangan inovasi oleh Bahagian/Jabatan dan Agensi;
- vi. Merancang dan menyelaras pelaksanaan program-program berunsurkan peningkatan inovasi dan kreativiti secara terancang dan sistematik;

- vii. Mendaftar kumpulan KIK dan keahliannya;
- viii. Sebagai fasilitator kumpulan (bagi kumpulan yang tidak melantik fasilitator secara khusus);
- ix. Menyediakan perakuan projek KIK untuk kelulusan Jawatankuasa Pemandu Inovasi;
- x. Mengurus dan menyelaras penyertaan KIK ke pertandingan pada peringkat tempatan atau antarabangsa;
- xi. Memuat naik maklumat KIK dalam Hab Inovasi Sektor Awam(HISA);
- xii. Memudah cara urusan pengembangan projek KIK;
- xiii. Mengurus perlindungan harta intelek projek; dan
- xiv. Mengurus permohonan perolehan dana, khidmat rundingan dan pelantikan ejen daripada agensi-agensi berkaitan pengkomersialan

STRATEGI DAN PELAN TINDAKAN

BAB 3:

3.1 Model Pengurusan Strategik:



3.2 Analisis Persekitaran



3.3 Objektif Strategik – Analisis TOWS

	PELUANG	ANCAMAN
KEKUATAN	<p>Maksimakan kekuatan melalui peluang</p> <ul style="list-style-type: none"> Memperkasakan jaringan kerjasama pintardengan agensi dalam dan luar Negara 	<p>Minimakan ancaman melalui kekuatan</p> <ul style="list-style-type: none"> Memperkasakan tadbir urus pengurusan inovasi
KELEMAHAN	<p>Minimakan kelemahan melalui peluang</p> <ul style="list-style-type: none"> Memperkasakan modal insan berinovasi 	<p>Minimakan kelemahan dengan mengambil kira ancaman</p> <ul style="list-style-type: none"> Memperkasakan modal insan berinovasi dengan mangambil kira tuntutan transformasi terhadap sistem penyampaian perkhidmatan

3.4Pelan Tindakan

OBJEKTIF STRATEGIK 1 – MEMPERKASAKAN MODAL INSAN BERINOVASI								
TUJUAN	1. Membangunkan kompetensi tenaga kerja melalui kepimpinan inovasi strategik, pembelajaran berterusan dan pengurusan ilmu inovasi serta kreatif							
STRATEGI	PROGRAM	AKTIVITI	KPI	TEMPOH MASA				TANGGUNGJAWAB
				2017	2018	2019	2020	
STRATEGI 1 1. Pembangunan kepimpinan inovasi dan kualiti strategik yang menyeluruh	1. Pengenalpastian kompetensi	1. Kenalpasti keperluan latihan untuk warga	Jumlah kursus kepimpinan inovasi dijayakan	/	/	/	/	BPSM& Unit Inovasi
		2. Membangunkan Pelan Latihan	Pelan latihan tahunan	/	/	/	/	BPSM& Unit Inovasi
	2. Mengadakan kerjasama dengan individu/ institusi/ syarikat.	3. Kursus	Penglibatan 85% warga dalam program pembangunan kompetensi	/	/	/	/	Unit Inovasi
		4. Bengkel		/	/	/	/	
		5. Taklimat		/	/	/	/	
	3. Pembelajaran Berterusan	6. Membangunkan pelan pembelajaran individu dalam meningkat dan membangun keperluan pembangunan kerjaya anggota	Peratus pemakaian pelan pembangunan pembelajaran individu (jumlah hari berkursus)	/	/	/	/	BPSM

STRATEGI 2 2. Meningkatkan Motivasi Warga	4. Ganjaran dan Pengiktirafan Inovasi	7. Anugerah Inovasi/ KIK	Penyertaan semua jabatan/ markas dan minima 5 bahagian	/	/	/	/	Semua Bahagian
		8. Anugerah Pejabat Terbaik	Penyertaan semua bahagian	/	/	/	/	Semua Bahagian
		9. Pertandingan Inovasi Peringkat Kebangsaan	Penyertaan minima 5 jenis anugerah	/	/	/	/	Unit Inovasi
		10. Program Inovasi Antarabangsa	Penyertaan minima 1 setahun	/	/	/	/	Unit Inovasi
		11. Hari Inovasi	Sekali setahun	/	/	/	/	Unit Inovasi
		12. Sudut Inovasi	6 projek inovasi dipamerkan setahun	/	/	/	/	Unit Inovasi
STRATEGI 3 3. Meningkatkan Pembudayaan Inovasi	5. Kempen Pembudayaan Inovasi	13. I-Kreatif	Minima 6 kali setahun	/	/	/	/	Unit Inovasi
		14. I-Idola	Minima 6 kali setahun	/	/	/	/	Unit Inovasi
		15. Pertandingan (i-Kuiz)	Minima 720 penyertaan setahun	/	/	/	/	Unit Inovasi

OBJEKTIF STRATEGIK 2 – TRANSFORMASI SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

OBJEKTIF STRATEGIK 2 – TRANSFORMASI SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN								
TUJUAN	1. Memperkukuhkan penyampaian perkhidmatan melangkaui ekspektasi pelanggan 2. Merealisasikan halatuju dasar inovasi negara							
STRATEGI	PROGRAM	AKTIVITI	KPI	TEMPOH MASA				TANGGUNGJAWAB
				2017	2018	2019	2020	
STRATEGI 4 1. Memperkemas kawalan Dalaman	6. Persijilan kualiti	16. Pensijilan MS ISO 9001:2015	Tiada NCR diterima dan semua bahagian mendaftarkan prosedur kerja	/	/	/	/	Semua Bahagian
		17. Persijilan EKSA	Penyertaan sekurang-kurangnya satu jabatan dan semua bahagian	/	/	/	/	Semua Bahagian

OBJEKTIF STRATEGIK 3 – MEMPERKASAKAN JARINGAN KERJASAMA PINTAR DENGAN AGENSI DALAM DAN LUAR NEGARA

OBJEKTIF STRATEGIK 3 – MEMPERKASAKAN JARINGAN KERJASAMA PINTAR DENGAN AGENSI DALAM DAN LUAR NEGARA								
TUJUAN	1. Pertambahan idea 2. Memperluaskan jaringan kerjasama							
STRATEGI	PROGRAM	AKTIVITI	KPI	TEMPOH MASA				TANGGUNGJAWAB
				2017	2018	2019	2020	
STRATEGI 5 1. Meningkatkan kerjasama dengan agensi luar	7. <i>i-Visit/ i-Lawat</i>	18. Lawatan ke agensi yang menerajui bidang inovasi/ kualiti	Penyertaan sekurang-kurangnya 10% kumpulan P&P	/	/	/	/	Unit Inovasi
	8. Karnival Inovasi	19. Pameran inovasi	Penyertaan 60% kakitangan	/	/	/	/	Unit Inovasi
	9. Kerjasama inovasi	20. Melaksanakan kerjasama kajian dan penghasilan Inovasi	Sekurang-kurangnya 50% projek hybrid setahun	/	/	/	/	Semua Bahagian
STRATEGI 6 2. Memperkasakan Imej Kementerian	10. Penandarasan Amalan baik	21. Lawatan ke kementerian oleh agensi luar untuk penandarasan amalan terbaik	Jumlah yang datang melawat	/	/	/	/	Unit Inovasi
		22. Lawatan bahagian ke jabatan/bahagian lain dalam kementerian	2 sesi lawatan setahun	/	/	/	/	Unit Inovasi

OBJEKTIF STRATEGIK 4 – MEMPERKASAKAN TADBIR URUS PENGURUSAN INOVASI

OBJEKTIF STRATEGIK 4 – MEMPERKASAKAN TADBIR URUS PENGURUSAN INOVASI									
TUJUAN	1. Kapasiti organisasi yang cemerlang								
STRATEGI	PROGRAM	AKTIVITI	KPI	TEMPOH MASA				TANGGUNGJAWAB	
				2017	2018	2019	2020		
STRATEGI 7 1. Memantapkan budaya perkongsian Ilmu	11.Semarak perkongsian Ilmu	23. Memantapkan Kiosk/Portal	Kemaskini info 2 kali setahun	/	/	/	/	Unit Inovasi, UKS dan BPM	
		24. Penerbitan	Jumlah penerbitan	/	/	/	/	STRIDE	
		25. <i>i-Talk</i>	Penglibatan 20% kumpulan P&P					Unit Inovasi	
STRATEGI 8 2. Memperkukuhkan pengurusan idea/Inovasi	12.Penemuan Inovasi	26. Cadangan idea melalui pohon inovasi	Jumlah idea dikemukakan	/	/	/	/	Semua Bahagian	
		13.Pembangunan Inovasi	27. Penyaluran cadangan inovasi	Jumlah Idea yang disalurkan	/	/	/	/	Semua Bahagian
			28. Pemilihan cadangan Inovasi Terbaik	Jumlah Idea yang dilaksanakan	/	/	/	/	Unit Inovasi
		14.Penggunaan inovasi	29. Mengemaskini maklumat dalam platform perkongsian inovasi (HISA)	Jumlah Idea inovasi yang dikongsi	/	/	/	/	Unit Inovasi


3.5 CARTA PERBATUAN UNIT INOVASI KEMENTERIAN PERTAHANAN

Bil	Pelaksanaan Aktiviti	Bulan											
		Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis
Program Inovasi													
1	i-Kreatif												
2	i-Idola												
3	i-Visit												
4	<i>i-Talk</i>												
5	i-Kuiz												
6	i-Karnival												
7	Kemaskini Sudut Inovasi												
8	Taklimat KIK Horizon MinDef												
9	Bengkel Pelaksanaan KIK Horizon												
10	Pertandingan Anugerah Inovasi KIK Mindef												
11	Hari Inovasi MinDef												
12	Pertandingan Inovasi Peringkat Kebangsaan												

Bil	Pelaksanaan Aktiviti	Bulan											
		Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis
13	Program Inovasi Antarabangsa												
14	Kemaskini HISA												
Program Kualiti													
15	Taklimat Pengukuhan EKSA MinDef												
16	Bengkel Pemantapan EKSA MinDef												
17	Audit Dalaman & Pematuhan EKSA MinDef												
18	Lawatan Penandaaras EKSA antara Bahagian												
18	EKSA DIY												
19	Taklimat Pengenalan MS ISO 9001:2015												
20	Taklimat Juruaudit MS ISO 9001:2015 MinDef												
21	Bengkel Pelaksanaan MS ISO 9001:2015												
22	Audit Dalaman MS ISO 9001:2015.												
23	Audit Pematuhan/Persijilan MS ISO 9001:2015 Intertek Sdn. Bhd												

3.6 Kesimpulan

Sebagai kesimpulan Pelan Tindakan Inovasi MinDef menggariskan perkara-perkara seperti berikut:



PENUTUP

BAB 4:

4.1 RUMUSAN

Bagi menjadikan MinDef sebagai sebuah agensi peneraju pertahanan Negara yang mantap dan berdaya saing usaha-usaha pembudayaan inovasi perlu diberi keutamaan. Pelan ini menjelaskan usaha-usaha yang perlu dilaksanakan oleh MinDef untuk meningkatkan budaya inovasi dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam yang lebih inovatif dan berkesan bagi memenuhi ekspektasi pelanggan semasa.

Namun kejayaan pelan ini, bergantung kepada penglibatan keseluruhan warga MinDef tanpa mengira pangkat, mahupun status. Secara keseluruhannya, warga MinDef perlu memperkasakan landskap inovasi dengan merangsang inspirasi dalam menjana idea baru dan mengembang bakat sedia ada serta mengeksplotasi kemampuan kreativiti dan inovatif modal insan MinDef ke peringkat optimum.